

Pecah amanah RM47,300, pegawai bilik kebal dipenjara satu tahun lapan bulan, satu sebatan

KUCHING: Seorang pegawai bilik kebal di sebuah syarikat penyedia perkhidmatan keselamatan di hukum penjara satu tahun lapan bulan dan satu sebatan akibat melakukan pecah amanah jenayah membabitkan wang RM47,300 milik majikannya.

Hakim Mahkamah Sesyen, Hakim Iris Awen Jon menjatuhkan hukuman itu terhadap Adi Dota, 44, yang mengaku bersalah apabila didakwa mengikut Seksyen 408 Kanun Keseksaan.

Seksyen berkenaan membawa hukuman penjara minimum setahun dan maksimum 14 tahun berserta sebatan, dan boleh didenda, jika sabit kesalahan.

Mengikut pertuduhan, tertuduh selaku pegawai bilik kebal syarikat terbabit didakwa melakukan pecah amanah jenayah terhadap wang tunai RM47,300 milik majikannya yang diamanahkan kepadanya dengan menggunakannya bagi kepentingan sendiri tanpa kebenaran.

Kesalahan itu dilakukannya pada 18 Mac 2025 di syarikat tersebut yang terletak di sebuah premis di Jalan Tun Ahmad Zaidi Adruce di sini.

Fakta kes mendedahkan pengadu iaitu eksekutif kanan di syarikat berkenaan menyedari kehilangan wang RM47,300 ketika melakukan pengiraan semula wang di bilik kebal.

Hasil siasatan dalaman, semakan rakaman kamera



KE PENJARA: Tertuduh (kiri) diiringi polis keluar dari kamar Mahkamah Sesyen semalam setelah dijatuhkan hukuman.

litar tertutup (CCTV) dan temu bual bersama tertuduh mendapati dia mengaku telah mengambil wang berkenaan dari simpanan bilik kebal.

Berikutan itu, satu laporan polis dibuat dan ini membawa kepada penangkapan tertuduh.

Hasil siasatan polis mendapati tertuduh yang telah diamanahkan untuk mengawal kemasukan serta pengeluaran wang dari bilik kebal tersebut telah mengambil wang berkenaan, malah ia dibuktikan dengan hasil semakan rakaman CCTV dan pengakuan tertuduh sendiri.

Terdahulu semasa prosiding, tertuduh merayu tidak dijatuhkan hukuman berat dengan alasan dia menanggung keluarga, termasuk anak ketiganya yang merupakan orang kurang upaya (OKU).

Tertuduh yang tidak diwakili peguam itu juga menyatakan dia menyesali perbuatannya dan memaklumkan wang itu digunakan untuk membayar hutang dengan pemberi pinjaman wang tidak berlesen (along).

Timbalan Pendakwa Raya Chuah Kai Sheng bagaimanapun memohon mahkamah menjatuhkan hukuman setimpal dan bersifat pencegahan dengan mengambil kira bahawa kesalahan pecah amanah jenayah merupakan kesalahan serius serta membabitkan penyalahgunaan kepercayaan yang diberikan majikannya.

Menurut Chuah, kesalahan pecah amanah seperti itu tidak boleh dibiarkan berleluasa kerana boleh menjejaskan kepercayaan awam, mengganggu ketenteraman serta keselamatan masyarakat.